

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN B. NAINA**  
**MERICAN**  
**[KEPALA BATAS]**

**SOALAN NO. 255**

**Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN B. NAINA MERICAN [ KEPALA BATAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah/nilai projek sepanjang tahun 2018/2019 yang telah dianugerahkan pihak kerajaan mengikut kaedah perolehan rundingan terus (*direct nego*), tender terhad dan RFP. Mohon berikan senarai mengikut Kementerian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses perolehan kerajaan adalah dilaksanakan berteraskan kepada lima (5) prinsip utama iaitu, pertama; akauntabiliti awam, kedua; diuruskan secara telus, ketiga; memberi nilai faedah terbaik, keempat; mewujudkan saingan terbuka dan terakhir; mestilah adil dan saksama.

Peraturan perolehan yang berkuatkuasa menetapkan mana-mana perolehan Kerajaan yang nilainya melebihi RM500,000 perlu dilaksanakan secara tender terbuka. Peraturan ini diperkemaskan lagi melalui surat arahan oleh Kementerian Kewangan bertarikh 29 Jun 2018 yang antara lain memansuhkan kaedah perolehan secara tender terhad dan digantikan dengan kaedah tender terbuka pra-kelayakan. Justeru itu, tiada lagi perolehan yang dilaksanakan secara tender terhad oleh Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepertimana amalan di peringkat antarabangsa dan kepentingan nasional, kaedah perolehan secara rundingan terus akan hanya dipertimbangkan bagi perolehan yang melibatkan lima (5) kriteria khusus dan bukannya dibenarkan secara am seperti berikut:

1. perolehan bekalan/perkhidmatan melibatkan keperluan mendesak yang mana jika perolehan tersebut tidak dilaksanakan dengan segera, ia boleh memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan serta kepentingan Negara;
2. keperluan penyeragaman bagi memastikan kesesuaian penggunaan (*compatibility*) antara barangan sedia ada dengan barangan baru yang akan diperoleh;
3. satu punca bekalan/ perkhidmatan iaitu pengeluaran produk atau penyediaan perkhidmatan hanya boleh dibekalkan daripada satu sumber sahaja;

**NO SOALAN : 255**

4. keselamatan/ strategik yang melibatkan perolehan item atau perkhidmatan demi keselamatan atau kepentingan strategik negara; atau
5. kontrak dengan syarikat pembuat (*manufacturer*) Bumiputera yang memenuhi semua syarat kelayakan.

Manakala perolehan secara *Request For Proposal (RFP)* boleh dilaksanakan bagi perolehan ICT secara tender bagi mencari penyelesaian (*solutions*) yang paling tepat mengikut keperluan sesuatu projek.